

# MICOZOL CREAM

Miconazole nitrate (2% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Micozol
2. Bagaimana Micozol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Micozol
4. Cara menggunakan Micozol
5. Semasa menggunakan Micozol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Micozol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Micozol

Ia digunakan untuk merawat jangkitan kulat pada kulit dan kuku, termasuk candidiasis, tinea and pityriasis versicolor (jangkitan kulat pada kulit).

## Bagaimana Micozol berfungsi

Micozol membunuh kulat yang menyebabkan jangkitan dan sesetengah bakteria pada tempat jangkitan.

## Sebelum menggunakan Micozol

- Bila tidak boleh mengguna  
Jika ada alahan terhadap miconazole, atau ramuan-ramuan lain Micozol.

- Sebelum mula mengguna

Elakkan penggunaan ubat pada mata. Jangan pakai pembalut luka di atas ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor. Jangan diguna pada kanak-kanak bawah 2 tahun kecuali dengan nasihat dan penyeliaan doktor. Jika iritasi berterusan dan tiada kelegaan dalam masa 4 minggu, Penggunaan dihentikan dan hubungi doktor atau ahli farmasi. Keselamatan penggunaan semasa kehamilan atau menyusukan anak belum dipastikan lagi. Jadi, sila beritahu doktor jikalau hamil atau menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

## Cara menggunakan Micozol

- Berapa banyak harus diguna

Jangkitan kulit: Sapukan pada bahagian kulit satu atau dua kali sehari sehingga jangkitan sembuh.

Jangkitan kuku: Sapukan pada bahagian kuku dua kali sehari, ditambah dengan ubat makan untuk hilang kulat atau luka dibalut, jika perlu. Penggunaan ubat

diteruskan untuk jangka rawatan lengkap bagi mengurangkan jangkitan berulang, biasanya 2 minggu.

- Bila perlu diguna

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu diguna

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa mengguna

Guna sebaik sahaja teringat. Selepas itu, gunakan semula mengikut jadual biasa anda.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

## Semasa menggunakan Micozol

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor.

## Kesan-kesan sampingan

Iritasi setempat dan kadangkala kesensitifan mungkin berlaku. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Micozol

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

## Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk  
Krim warna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: miconazole nitrate  
- Bahan tidak aktif: cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, liquid paraffin, chlorocresol, sodium citrate, disodium edetate dan air.

- Nombor MAL:

MAL19900276AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

19/04/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)190417/00086